

**Pilihan Raya Presiden Singapura: Kiraan Semula Bagi Undi Setempat  
Bernama  
28 Ogos 2011  
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 28 Ogos (Bernama) -- Jabatan Pilihan Raya Singapura mengumumkan bahawa kiraan semula akan dilakukan bagi undi setempat dalam pilihan raya Presiden republik berkenaan.

Dalam satu kenyataan, jabatan itu berkata kiraan semula itu membabitkan dua calon yang meraih undi paling tinggi iaitu Dr Tan Cheng Bock dan Dr Tony Tan.

Memandangkan perbezaan undi yang diraih tidak lebih dua peratus daripada jumlah keseluruhan undi yang diterima, Pegawai Pengurus pilihan raya membenarkan kiraan semula undi itu.

Bercakap kepada pemberita sebelum itu, Cheng Bock membayangkan kemungkinan kiraan semula akan dilakukan memandangkan keputusan pilihan raya itu menunjukkan bahawa beliau dan Dr Tony Tan bersaing rapat dalam saingan berkenaan.

Pilihan raya Presiden ini disifatkan sebagai 'bersejarah' kerana ia julung kali diadakan sejak 1993 apabila Ong Teng Cheong menang dalam pertembungan satu lawan satu, dan buat pertama kali menyaksikan saingan membabitkan ramai calon yang bertanding.

Rakyat Singapura mula mengundi pada Sabtu untuk memilih Presiden baru di 781 pusat mengundi yang dibuka sejak 8 pagi.

Empat 'Tan' bertanding jawatan itu untuk menggantikan S. R. Nathan selaku penyandang, yang akan tamat penggal memegang jawatan pada 31 Ogos selepas berkhidmat selama dua penggal.

Calon Presiden itu -- bekas Timbalan Perdana Menteri Dr Tony Tan Keng Yam, bekas Anggota Parlimen Dr Tan Cheng Bok, bekas Pegawai Eksekutif NTUC Income iaitu syarikat insurans tempatan, Tan Kin Lian, dan bekas pegawai kanan kerajaan Tan Jee Say -- untuk menduduki kerusi Presiden bagi tempoh enam penggal.

Mereka mengundi di pusat mengundi masing-masing. Terdapat kira-kira 2.27 juta calon yang layak mengundi di negara bandar raya ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610837>